

PERINGATAN INTEGRITI

PERINGATAN INTEGRITI – LARANGAN MENGUTIP DAN MEWUJUDKAN ‘TABUNG’ DI PEJABAT

Unit Integriti FELDA mendapati ada sebahagian daripada jabatan/unit/wilayah/rancangan FELDA telah mewujudkan “tabung” dengan alasan untuk kegunaan hal-hal keraian, kebijakan dan kecemasan petugas di sampin alasan untuk keceriaan pejabat FELDA masing-masing.

2. Wang untuk mengisi tabung tersebut dipercayai telah **diperolehi daripada pelbagai sumber seperti daripada kontraktor, vendor dan lain-lain sumber yang ada urusan rasmi** dengan jabatan/unit/wilayah/rancangan tersebut. Ada ketua jabatan tidak memulangkan wang lebih daripada program yang dilaksanakan atau berpakaat dengan vendor/kontraktor untuk mendapatkan lebihan wang untuk mengisi tabung tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, **Unit Integriti FELDA mengingatkan supaya menghentikan segera amalan ini yang melanggar undang-undang dan tata tertib. Mana-mana ketua jabatan/unit/wilayah/rancangan yang masih menyimpan wang dalam “tabung” tersebut atau disimpan oleh pegawai bawahan masing-masing hendaklah menyerahkan wang tersebut kepada Ketua Unit Integriti FELDA dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh peringatan ini dikeluarkan.**
4. Unit Integriti FELDA akan menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas mana-mana jabatan/unit/wilayah/rancangan yang masih menyimpan wang tersebut. **Sekiranya ada bukti tabung itu masih wujud dan kutipan haram masih berjalan, tindakan tata tertib akan diambil ke atas mana-mana ketua jabatan/unit/wilayah/rancangan di bawah Seksyen 3(2), Akta Badan-badan Berkunun (Tatatertib Dan Surc妖) 2000 (Akta 605).**
5. Sehubungan dengan itu juga, dipohon mana-mana petugas FELDA yang mengetahui atau mendapat **maklumat berkaitan sebarang pelanggaran undang-undang atau pelanggaran tata tertib termasuk kutipan wang haram seperti ini yang melibatkan mana-mana ketua jabatan/unit/wilayah/rancangan atau mana-mana petugas FELDA, sila laporkan dengan segera kepada Unit Integriti FELDA. Sebarang maklumat atau aduan adalah dirahsiakan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.**

Sekian, terima kasih.

**“PENEROKA ADALAH PERINTIS, BERANI DAN SUKA CABARAN”
“PETUGAS ADALAH BERINTEGRITI, PROAKTIF DAN SUKA BERBAKTI”**

(MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN) TPj

Ketua Unit Integriti FELDA

fauzi.husin@felda.net.my